



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/03/20 (HQ)

PERUNTUKAN RM39 JUTA TNB PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR DI NEGERI SEMBILAN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun ini memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM39 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Sembilan.

Menurut Ketua Jurutera Negeri (Negeri Sembilan), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Zainal Ujang, sebahagian daripada peruntukan adalah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik di kawasan Kuala Pilah dan Jempol.

Tambah beliau lagi, TNB Negeri Sembilan juga sentiasa berusaha memastikan gangguan bekalan elektrik dikurangkan seminima mungkin agar kepuasan pengguna dapat dioptimumkan dan tiada pihak yang mengalami kerugian.

Menurut beliau lagi, tempoh gangguan bekalan elektrik di Negeri Sembilan pada tahun lalu merekodkan catatan yang rendah iaitu hanya 56 minit setiap pengguna pada tahun 2014/2015.

Ir.Haji Zainal Ujang turut menyeru kepada para pengguna supaya menggunakan elektrik secara berhemah, selamat, dan bijak iaitu dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan bagi mengelakkan kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Di majlis tersebut, TNB turut menyumbangkan sebanyak empat (4) set khemah beserta meja dan kerusi, mesin rumput, dan peralatan sukan untuk kegunaan komuniti di seluruh Kawasan Parlimen Jempol untuk kemudahan orang ramai.

Turut hadir, Ahli Parlimen Jempol, YB Dato' Seri Utama Tan Sri Mohd. Isa Dato' Abdul Samad.

Dikeluarkan di Jempol, Negeri Sembilan pada 20 Mac 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

media@tnb.com.my